

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT)

TARIKH: 2 OGOS 2017

MUKA SURAT: 11

## Sejuta rumah mampu milik akhir 2017

**KUALA LUMPUR** - Sasaran kerajaan untuk membina satu juta unit rumah mampu milik (RMM) dijangka dapat dilepasi menjelang penghujung tahun ini, menurut Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Kementerian itu dalam jawapan bertulis kepada **Wong Tien Fatt (DAP-Sandakan)** di Dewan Rakyat semalam berkata, sehingga April lalu, jumlah unit RMM yang disasarkan untuk pembinaan adalah 875,490 buah dan daripada jumlah itu, 237,738 unit telah siap dibina sepenuhnya.

Harga jualan setiap unit RMM ditetapkan pada harga siling maksimum RM300,000.

Menurutnya, Kedah mencatat jumlah RMM paling banyak telah disiapkan iaitu 42,131 unit diikuti Selangor (34,344 unit), Johor (25,410 unit), Perak (20,952 unit), Melaka

(17,750 unit), Sabah (17,665 unit), Terengganu (15,906 unit), Pahang (14,650 unit).

Pulau Pinang (13,278 unit), Kelantan (12,893 unit), Kuala Lumpur (5,810 unit), Sarawak (5,220 unit), Putrajaya (1,123 unit) dan Wilayah Persekutuan Labuan (172 unit).

Tien Fatt meminta penjelasan bilangan unit RMM yang dibina selepas PRU13 dalam pecahan negeri, lokasi dan bilangan.

Mengenai Skim Sewa Untuk Beli, menurut kementerian itu, walaupun skim berkenaan buat masa ini adalah khusus bagi rumah di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR), ia mempunyai potensi untuk diperluaskan bagi pembelian unit rumah yang dibangunkan agensi-agensi dan kerajaan negeri yang lain pada masa akan datang.

- *Bernama*